ISSN 2180-3684 • Bil 03/13
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

MAC 2013



Kongsi Tabiat Kewangan Baik Dengan Anak-Anak dan Remaja

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Kongsi Tabiat Kewangan Baik Dengan Anak-Anak dan Remaja



Pengurusan kewangan adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai. Kemahiran ini perlu diajar dan dipupuk semenjak kecil. Ibu bapa merupakan individu yang paling terbaik untuk mendidik anak-anak yang kecil dan remaja untuk membolehkan mereka menguruskan kewangan mereka secara berhemat pada masa hadapan. Oleh itu, kongsikan beberapa tabiat kewangan di bawah ini bersama-sama dengan anak-anak. Secara tidak langsung, tabiat ini dapat membina asas kewangan yang kukuh untuk masa hadapan mereka.

1. Berbelanja menggunakan kupon atau semasa jualan murah

Semasa anak-anak berasa teruja untuk membeli sesuatu barang seperti pakaian atau permainan, jelaskan kepada mereka bahawa dengan menggunakan kupon dan membeli ketika jualan murah, mereka boleh mendapat potongan harga. Ini dapat menjimatkan wang, yang boleh digunakan untuk membeli barangan yang lain. Apabila tiba musim jualan murah, anda boleh membawa anak-anak bersama-sama untuk berbelanja. Konsep ini bukan sahaja dapat memupuk sikap membeli semasa jualan murah, yang paling penting adalah sikap 'Menangguhkan Kehendak' dapat dipupuk dalam tabiat kewangan.

Untuk anak yang remaja, anda hendaklah memberi peluang kepada mereka untuk berbelanja sendiri. Anda perlu menyediakan bajet tertentu untuk barangan tersebut. Nasihatkan sama ada mereka boleh menggunakan keseluruhan bajet tersebut, atau membeli semasa jualan murah atau menggunakan kupon. Jika terdapat lebihan wang, galakkan mereka untuk menyimpannya supaya boleh digunakan membeli barangan lain atau simpan sahaja untuk keperluan masa hadapan.

2. Menabung bersama-sama

Menabung merupakan perkara asas dalam tabiat kewangan. Hal ini sangat sukar untuk difahami oleh kanak-kanak. Begitu juga sukar untuk dijadikan tabiat oleh orang dewasa. Namun begitu, ada cara sesuai untuk memupuk tabiat ini dalam diri mereka.

Untuk mendidik anak-anak kecil, sediakan bekas kaca yang besar di satu sudut rumah bagi tujuan menyimpan syiling. Jelaskan kepada anak anda bahawa bekas ini adalah bertujuan untuk perbelanjaan istimewa keluarga. Maklumkan kepada semua ahli keluarga, sesiapa yang mempunyai lebihan syiling, boleh meletakkan syiling tersebut di dalam bekas dan kumpulkan sehingga penuh. Setelah penuh, gunakan duit syiling tersebut untuk perbelanjaan bersama-sama dengan keluarga.

Untuk anak yang remaja, libatkan mereka dalam perbincangan semasa anda ingin membuat keputusan untuk membeli sesuatu barangan yang mahal seperti televisyen atau kereta. Hal ini bertujuan untuk memaklumkan anak anda tentang pembelian, dan secara tidak langsung, anak-anak tahu bahawa anda mempunyai simpanan untuk pembelian tersebut. Anda boleh bercerita serba sedikit tentang simpanan, pinjaman wang dan kadar faedah. Apabila anak-anak melihat tabiat kewangan yang diamalkan oleh anda, maka secara tidak langsung ia akan mengikis sikap untuk membeli mengikut kehendak, sebaliknya mengamalkan 'konsep simpan dan tunggu'. Anda boleh mencadangkan kepada anak-anak untuk menabung bersama-sama agar pembelian tersebut boleh dicapai dengan cepat.



3. Menghadiahkan sesuatu untuk orang lain

Untuk langkah awal, anda membuat bajet dan konsisten terhadap bajet itu. Jadikan majlis hari jadi anak-anak sebagai acara tahunan dalam kehidupan anda.

Untuk anak-anak kecil, buatkan satu bajet untuk anak anda dan beritahu mereka tentang jumlah wang yang ada untuk membeli hadiah mereka. Tanyakan kepada anak anda apakah hadiah yang ingin dibeli dan jelaskan kepada mereka tentang harga hadiah tersebut, sama ada setara atau kurang daripada bajet yang ada. Langkah terbaik ialah cuba berbelanja kurang daripada jumlah bajet.

Bagi anak remaja, biar anak remaja anda menentukan sendiri hadiah yang ingin mereka impikan berdasarkan kepada jumlah bajet yang anda sediakan untuk perbelanjaan hadiah hari jadi mereka. Berikan mereka masa dan peluang untuk membuat pengiraan sendiri berdasarkan bajet yang ada.

4. Rancang percutian bersama

Merancang percutian adalah merupakan aktiviti yang menyeronokkan dan ia juga melibatkan perancangan bajet bagi tujuan tersebut.

Untuk kanak-kanak kecil, anda boleh berbincang dengan anak-anak anda mengenai penginapan dan kolam mandi. Anda boleh memberitahu beberapa pilihan penginapan berdasarkan bajet yang ada, seperti menginap di hotel mahal, mempunyai kolam besar tetapi hanya boleh bermalam 3 hari sahaja atau menginap di hotel murah dan mempunyai kolam kecil sedikit tetapi boleh menginap selama 4 malam. Bantu anak anda membuat pilihan, yang secara tidak langsung akan membantu anda untuk mengetahui keutamaan percutian mereka.

Untuk anak remaja, kongsikan bajet yang anda telah peruntukkan untuk percutian tersebut. Minta pendapat mereka untuk membuat perancangan. Sebagai contoh, makan tengah hari di restoran yang terbaik, tetapi perlu mengorbankan untuk pergi taman tema hiburan, atau sekadar makan nasi bungkus untuk membolehkan anda bermalam untuk satu malam lagi di hotel.

5. Penggunaan semula, baiki dan guna semula

Mengelak daripada berlakunya pembaziran merupakan amalan sikap berjimat cermat dan mesra alam. Tanamkan dalam diri anak-anak tentang tiga perkara ini, iaitu guna semula barangan lama, baiki yang rosak dan guna semula dengan membeli barangan terpakai.



Untuk anak-anak kecil, maklumkan kepada anak-anak anda tentang barangan yang ingin dibeli melalui kedai jualan murah atau jualan gudang. Terangkan kepada anak anda bahawa tujuan pembelian barang terpakai tersebut adalah untuk berjimat dan dapat mengelakkan pembaziran (barangan tersebut masih boleh digunakan dan boleh dielak daripada dibuang). Ia juga merupakan salah satu langkah berjimat cermat.

Untuk anak remaja, anda boleh mengajarkan anak remaja anda membaiki barangan yang telah rosak. Ia merupakan satu asas kemahiran yang baik dan penting. Dengan ini, mereka bukan sahaja memiliki kemahiran tetapi juga mereka boleh belajar untuk berjimat cermat. Objektifnya, anda hanya inginkan mereka memahami konsep berjimat cermat, dan pada masa yang sama, mereka juga memiliki kemahiran membaiki barangan.

6. Bantu mereka yang kurang bernasib baik

Tiada perkara yang benar-benar berkesan dalam membantu anak-anak memahami dan menghargai apa yang mereka ada. Dengan mendedahkan kepada mereka terhadap apa yang orang lain tiada, ia boleh membantu mereka menghargai apa yang mereka ada.

Untuk anak-anak kecil, galakkan anak-anak anda menyertai program-program kebajikan. Dengan melakukan kerja-kerja kebajikan seperti mengumpul barangan permainan untuk kanak-kanak lain yang kurang bernasib baik, anak-anak anda akan mula berfikir tentang perkara yang dilakukan. Ia dapat menimbulkan kesedaran kepada anak-anak anda - bagaimanakah rasanya menjadi miskin atau kaya? Bagaimanakah rasanya tidak mempunyai pekerjaan dan tidak mempunyai tempat tinggal?

Untuk anak remaja, galakkan anak anda menjadi sukarelawan di kawasan kejiranan anda atau rumah kebajikan. Ambil peluang seperti menolong jiran yang sedang sakit. Menggalakkan anak anda membantu orang lain adalah pengajaran yang penting dalam pendidikan kewangan.

Sumber : Diterjemahkan daripada artikel "6 Great Teachable Money Moments to Share With Your Kids", www.wisebread.com.

Strategi Penentu Harga Baharu Untuk Meningkatkan Kecekapan



Bank Negara Malaysia telah mengumumkan tentang strategi penentuan harga yang baharu bagi perkhidmatan pembayaran untuk menangani perbezaan harga antara kaedah pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) dengan kaedah pembayaran berasaskan kertas. Di bawah penentuan harga yang baharu ini, fi untuk kaedah e-pembayaran akan dikurangkan bagi memberikan insentif kepada para peniaga dan pengguna untuk menggunakan kaedah pembayaran yang lebih cekap, manakala caj akan dikenakan ke atas cek sebagai mencerminkan kosnya yang lebih tinggi.


Berkuat kuasa pada 2 Mei 2013, fi untuk urus niaga Sistem GIRO Antara Bank atau IBG (Interbank GIRO) yang dilakukan secara dalam talian melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih adalah sebanyak 10 sen. Fi IBG dalam talian yang rendah ini bertujuan memberi insentif kepada pengguna untuk beralih daripada kaedah pembayaran yang berkos lebih tinggi yang lain kepada kaedah pembayaran alternatif yang lebih murah. Pembayaran dalam talian melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih memberikan manfaat yang ketara kepada individu dan peniaga. Setiap individu akan menikmati kemudahan urus niaga pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa perlu beratur di kaunter bank. Peniaga pula boleh mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui pengurangan atau penggunaan semula sumber, yang sebelum ini digunakan untuk mengendalikan wang tunai dan cek. Melalui peningkatan pembayaran secara elektronik, kos daripada pemprosesan secara manual, termasuk kos penghantaran melalui pos, akan dapat dijimatkan.

Bagi mengurangkan kos dan ketidakcekapan yang berkaitan dengan penggunaan cek, caj untuk cek akan dinaikkan secara beransur-ansur bagi mencerminkan kos pengeluaran sebanyak RM3.00 bagi setiap cek. Tempoh selama setahun akan diberikan kepada orang ramai dan para peniaga untuk membiasakan, menyesuaikan diri dan beralih kepada penggunaan IBG bagi urusan pembayaran mereka. Berkuat kuasa pada 1 April 2014, pihak bank akan mengenakan caj memproses cek sebanyak 50 sen bagi setiap cek kepada pengeluar cek. Fi ini ialah tambahan kepada duti setem sedia ada sebanyak 15 sen bagi setiap cek. Dalam tempoh setahun ini, Bank Negara Malaysia akan bekerjasama rapat dengan pihak industri kewangan untuk terus menambah baik infrastruktur pembayaran bagi memastikan perkhidmatan pembayaran dapat diakses secara meluas, selamat dan mudah.

Selain cek dan IBG, pelarasan harga terhadap kaedah dan saluran pembayaran lain, termasuk mesin juruwang automatik (ATM), akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk menggalakkan pengguna menggunakan e-pembayaran yang lebih berkesan kos. Menjelang tahun 2020, penentuan harga bagi semua perkhidmatan pembayaran adalah berdasarkan kos menyediakan perkhidmatan berkenaan.

Kini, terdapat 1.6 bilion urus niaga kewangan yang dibuat menerusi kaedah elektronik, iaitu dua kali jumlah urus niaga pada tahun 2006. Walaupun kemajuan yang dicapai setakat ini adalah menggalakkan, sasarannya adalah untuk meningkatkan jumlah e-pembayaran per kapita daripada 56 pada tahun 2012 kepada 200 pada tahun 2020 serta mengurangkan bilangan cek yang dijelaskan dalam negara kepada separuh, iaitu daripada 204 juta cek kepada 100 juta dalam tempoh yang sama. Pencapaian sasaran ini akan membawa Malaysia hampir kepada matlamatnya untuk memperoleh penjimatan tahunan sehingga 1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), seperti yang ditunjukkan oleh kajian-kajian yang telah dijalankan. Kajian menunjukkan bahawa sesebuah ekonomi akan menikmati penjimatan tersebut apabila beralih daripada sistem pembayaran berasaskan kertas kepada e-pembayaran. Keperluan untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran adalah lebih penting sekarang agar seiring dengan peralihan Malaysia ke arah menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Sumber : Bank Negara Malaysia



Apa Yang Perlu Dilakukan Jika Mempunyai Hutang Tidak Terkawal?

Berikut adalah tiga langkah yang anda boleh gunakan untuk menangani masalah hutang tidak terkawal.

1. AKUI anda mempunyai masalah hutang tidak terkawal

- Jangan menafikannya. Mengaku bahawa anda mempunyai masalah, terutama jika anda sedang mengalami beberapa petanda hutang tidak terkawal.
- Jangan menambahkan lagi hutang. Ini termasuk membeli barangan dan perkhidmatan menggunakan kad kredit anda.

2. ANALISIS situasi untuk menilai kedudukan kewangan anda

- Kemas kini semua penyata pinjaman anda untuk mengetahui jumlah hutang yang sebenarnya.
- Bandingkan jumlah pembayaran balik hutang dengan pendapatan anda.
- Bayar balik hutang anda mengikut keutamaan. Bayar pinjaman dan hutang tertunggak dengan kadar faedah yang tinggi terlebih dahulu.

3. AMBIL TINDAKAN segera untuk membetulkan keadaan

- Sediakan bajet, sekiranya anda masih belum berbuat demikian. Bajet anda mesti mengambil kira semua pembayaran bulanan dalam senarai perbelanjaan anda.
- Pertimbangkan untuk menggunakan tabungan atau menjual aset pelaburan bagi mengurangkan hutang.
- Kurangkan perbelanjaan anda.
- Berusaha untuk meningkatkan pendapatan, contohnya dengan membuat kerja sambilan.
- Berunding dengan institusi kewangan untuk memohon penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman yang bersesuaian dengan kedudukan aliran tunai anda.
- Dapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) jika institusi kewangan tidak dapat membantu anda.

Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Takaful Kemalangan Diri

Apakah takaful kemalangan diri (KD)?

Takaful KD adalah pelan takaful tahunan yang menyediakan pampasan sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan. Takaful KD juga boleh menyediakan perlindungan untuk perjalanan jangka pendek. Perlindungan takaful KD merangkumi kemalangan yang berlaku di mana-mana tempat di dunia, selama 24 jam sehari, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam sijil.

Konsep takaful dalam takaful KD

Apabila anda menyertai takaful KD, anda mencarum sejumlah wang ke dalam dana takaful am dalam bentuk caruman penyertaan (tabarru'). Di bawah kontrak perjanjian, semua peserta bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain sekiranya salah seorang peserta ditimpa kemalangan yang mengakibatkan kematian, hilang upaya atau kecederaan.

Contoh : Pengendali takaful mempunyai jumlah lebihan (L) sebanyak RM4 juta dan jumlah caruman am (CA) sebanyak RM10 juta. Jumlah caruman anda pada tahun itu (C) ialah RM500 dan lebihan yang dikongsi bersama-sama di antara anda dan pengendali takaful adalah mengikut nisbah perkongsian yang telah dipersetujui (NP) iaitu 50:50. Jumlah perkongsian lebihan yang akan anda terima dikira seperti berikut:

- Nisbah perkongsian lebihan
  = NP x L /CA
  = 50% x RM4 juta /RM10 juta
  = 20%

- Jumlah lebihan yang diagihkan kepada anda
  = nisbah perkongsian lebihan x C
  = 20% x RM500
  = RM100

Skop Perlindungan

Perlindungan asas takaful KD meliputi kematian dan hilang upaya disebabkan oleh kemalangan. Selain perlindungan asas, pengendali takaful juga boleh menyediakan perlindungan yang mencakupi belanja perubatan, manfaat penghospitalan, pembedahan pembetulan dan belanja pengebumian.

Skop perlindungan takaful KD adalah berbeza-beza antara pengendali takaful. Anda dinasihatkan supaya menyertai pelan yang memenuhi kehendak anda.

Anda boleh menyertai takaful KD untuk diri anda sendiri atau pelan berkumpulan untuk keluarga anda. Majikan boleh menyertai takaful KD untuk pekerja mereka, dan dalam kes seperti ini, bayaran pampasan kepada pekerja adalah atas budi bicara majikan. Sesetengah pelan takaful KD juga menetapkan had umur yang boleh dilindungi.



"Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada pengendali takaful mengenai kecederaan anda dalam jangka masa yang ditetapkan ..."

Perkara penting yang perlu diberikan perhatian apabila menyertai takaful KD

- **Skala manfaat**

  Skala manfaat merujuk kepada amaun pampasan yang boleh dibayar oleh pengendali takaful apabila berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan. Anda dinasihatkan supaya memberikan perhatian pada skala manfaat dalam pelan anda kerana ia berbeza-beza antara pengendali takaful.

- **Perlindungan berganda**

  Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu takaful atau insuran KD, dan kemudiannya anda meninggal dunia atau hilang upaya, anda atau benefisiari anda berhak mendapat pampasan di bawah setiap pelan/polisi. Walau bagaimanapun, bagi kerugian tertentu, seperti belanja perubatan yang pampasannya adalah berdasarkan pembayaran gantian, anda akan dibayar pampasan sekali sahaja berdasarkan kerugian sebenar yang dialami.



- **Benefisiari**

  Anda dinasihatkan supaya menamakan benefisiari anda dan memastikan benefisiari anda mengetahui takaful KD yang anda sertai.

Bagaimana membuat tuntutan?

- **Tuntutan kematian**

  Apabila berlaku kematian, laporan polis hendaklah dibuat dan pengendali takaful mesti dimaklumkan dengan secepat mungkin. Pihak menuntut akan diberi borang tuntutan yang harus diserahkan bersama-sama dengan semua dokumen sokongan yang dikehendaki oleh pengendali takaful, seperti sijil kematian dan permit pengebumian. Jika tiada benefisiari yang dilantik, tanggungan si mati atau pentadbir harta pusaka si mati hendaklah mengemukakan bukti tanggungan atau surat kuasa mentadbir.

- **Tuntutan kecederaan**

  Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada pengendali takaful mengenai kecederaan anda dalam jangka masa yang ditetapkan dalam takaful KD. Anda hendaklah mengemukakan borang tuntutan berserta dengan semua dokumen sokongan, seperti laporan perubatan dan resit pembayaran belanja hospital kepada pengendali takaful. Anda akan dibayar pampasan untuk manfaat di bawah pelan jika rawatan diterima atau diagnosis dibuat dalam tempoh yang ditetapkan selepas tarikh kemalangan.

Sumber : infoinsurans



Berhati-hati dengan Skim Perkongsian Masa

Tawaran untuk menikmati pelbagai jenis kemudahan atau percutian pasti akan menarik perhatian para pengguna pada masa kini. Kini perkhidmatan skim perkongsian masa semakin banyak diperkenal kepada para pengguna, yang membolehkan mereka yang melanggan perkhidmatan ini akan mendapat ganjaran dari segi percutian atau kemudahan lain, serta keistimewaan seperti yang ditawarkan syarikat yang menganjurkan skim ini. Pengguna hanya perlu melanggan skim perkongsian masa ini daripada syarikat penganjur dengan membayar sejumlah bayaran dalam tempoh masa yang dipersetujui untuk menikmati pelbagai jenis kemudahan yang ditawarkan.

Walaupun tawaran kemudahan yang disediakan nampak menarik, namun realitinya tidak semua yang ditawarkan itu sama seperti yang dijanjikan. Terdapat juga aduan yang diterima oleh NCCC, iaitu penganjur skim perkongsian masa membuat representasi palsu dan menjanjikan pelbagai tawaran. Namun, apabila diminta, kemudahan-kemudahan yang dijanjikan tidak dapat digunakan. Begitu juga, kemudahan tersebut tidak selesa seperti yang digambarkan. Pengguna akan lebih dihimpit dengan masalah jika bayaran langganan dibuat menerusi kad kredit. Ini kerana, kadangkala pelbagai jenis bayaran tersembunyi dikenakan ke atas pengguna dan cas langganan masih lagi berjalan walaupun mereka sudah menamatkan langganan tersebut. Kesannya, pengguna akan dibebani masalah hutang tanpa pengetahuan mereka sendiri.

Adalah lebih bijak jika pengguna memastikan terlebih dahulu bahawa syarikat penganjur skim tersebut mempunyai sejarah perniagaan yang baik dan tiada rekod aduan berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan. Terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian perlu diteliti sebelum ditandatangani. Mengikut Seksyen 38 (1) Akta Kontrak 1950, pihak–pihak yang telah diikat di dalam kontrak yang dipersetujui mestilah melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak. Manakala, Seksyen 53 Akta Perlindungan Pengguna 1999 pula memperuntukkan bahawa setiap perkhidmatan yang dibekalkan kepada pengguna mestilah dijalankan dengan teliti dan kemahiran munasabah.

Kesimpulannya, setiap terma dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian skim perkongsian masa mestilah dipatuhi dan dilaksanakan dengan baik oleh syarikat penganjur tanpa menindas hak pengguna.

Tip Pengguna

- Pastikan setiap tawaran yang dijanjikan oleh syarikat penganjur skim adalah munasabah dan boleh diperoleh.
- Baca dan pastikan setiap syarat di dalam perjanjian adalah seimbang dan tidak berat sebelah.
- Untuk mengelakkan daripada tertipu, anda boleh membuat semakan tentang kedudukan syarikat penganjur dan maklum balas tentang perkhidmatan yang ditawarkan untuk mendapatkan kepastian.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.

Ruangan Masalah Kewangan Anda



Saya bercadang untuk mempunyai rumah pertama, iaitu sebuah rumah teres. Walau bagaimanapun, saya kurang pasti apakah yang dimaksudkan dengan Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA)? Apakah kelebihan dan perkara yang MRTA lindungi? Bagaimana pula dengan premium? Adakah kadar yang dikenakan berbeza mengikut negeri atau ditentukan oleh pemaju? Mohon penjelasan tuan. Terima kasih.

Pengguna Johor Bharu

MRTA (atau dalam Bahasa Melayu ialah Insurans Nyawa Gadai Janji Berkurangan) adalah sejenis perlindungan insurans hayat yang meliputi pembayaran balik pinjaman pembelian hartanah tertunggak (baki terhutang) kepada institusi kewangan sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau sakit kritikal peminjam. Oleh yang demikian, peminjam adalah digalakkan untuk memperoleh perlindungan MRTA.

Premium biasanya telah diambil kira di dalam jumlah pinjaman dan diagihkan mengikut tempoh pinjaman. Premium hanya perlu dicaj sekali dalam tempoh pinjaman. Tidak timbul lagi premium yang perlu dibayar sama ada sebulan sekali atau setahun sekali. Seandainya pinjaman telah dibayar balik sepenuhnya lebih awal, pada amnya anda mempunyai opsyen untuk memohon pembayaran balik premium untuk baki tempoh yang belum luput atau meneruskan perlindungan insurans tersebut.

Premium yang dikenakan adalah ditentukan oleh pihak insurans (bukannya oleh pihak pembiaya ataupun pihak pemaju) yang bergantung kepada jenis pelan yang dikehendaki dan mengambil kira faktor-faktor penentu, antaranya seperti berikut:

- tempoh MRTA yang dikehendaki (iaitu tempoh pembiayaan yang diambil)
- kadar faedah/caj keuntungan (ditentukan oleh pihak insurans)
- jumlah diinsuranskan
- jantina
- umur
- rekod kesihatan

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**

atau menulis kepada

Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor

Pembelian Bijak



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

ANDA MUNGKIN KEHILANGAN WANG ANDA!

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai bahawa terdapat skim pengambilan deposit dan pelaburan haram yang kononnya menjanjikan pulangan yang lumayan buat pelabur.



Skim tersebut mengajak anda melabur dalam logam berharga seperti emas, perak atau pelaburan berkaitan dengan ternakan, tanah, komoditi dan pertukaran asing

Sesetengah daripada penganjur skim terus mengumpan pelabur dengan janji belian balik

Anda ditawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek

Skim-skim tersebut dikatakan sebagai sah dan tidak mempunyai sebarang risiko

BERWASPADALAH!

Skim-skim tersebut mungkin merupakan satu lagi 'skim cepat kaya' atau dipanggil 'skim Ponzi'.

Wang yang anda laburkan mungkin digunakan untuk membayar 'pulangan lumayan' kepada pelabur lain.

Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan. Anda mungkin kehilangan wang anda.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami.

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Khidmat Pelanggan)
1-300-88-5465
Faksimile: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching **(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)**

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my